	Denmark	Guyana	Saudi Arabia	Switzerland	Zambia

KATEGORI V

Barbados	Hong Kong	Japan	Oman	Sweden	United Arab Emirates
Dubai	Iran	Macau	South Korea	Trinidad & Tobago	Finland
Italy	Mexico	St. Lucia	Turkey	United Kingdom	USA

JENIS : **ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI LUAR NEGERI**

ii) Bayaran Sewa Hotel / Elaun Lojing

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada staf yang menjalankan tugas rasmi di luar negeri.

SYARAT :

- (a) Seseorang pegawai layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atas kadar sebenar;
- (b) Bayaran Sewa Hotel tidak boleh dibayar untuk tempoh bertugas yang melebihi 3 bulan terus menerus termasuk hari kelepasan am dan mingguan;
- (c) bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang wajib ke atas sewa hotel adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian dari kadar Bayaran Sewa Hotel itu;
- (d) seseorang pegawai adalah layak menuntut Elaun Lojing jika tidak menuntut Bayaran Sewa Hotel;
- (e) seseorang pegawai tidak layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing jika penginapan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur.

KADAR :

Gred	Jenis Bilik
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Bilik Suite Biasa (<i>Standard Suite</i>)
Pegawai selain daripada di atas	Bilik Biasa

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003

TARIKH KUAT KUASA : 1 Jun 2003

JENIS : **ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI LUAR NEGERI**

iii) Elaun / Bayaran Singgah Dalam Perjalanan

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada staf yang menjalankan tugas rasmi di luar negeri.

SYARAT :

- (a) Pegawai yang melakukan penerbangan melebihi dua belas (12) jam terus menerus, dibenarkan singgah bermalam untuk satu malam sahaja di sesuatu tempat dalam perjalanan itu, iaitu sekali semasa perjalanan pergi dan sekali dalam perjalanan pulang, dengan syarat perjalanan yang ditempuh (route) itu merupakan perjalanan yang diperakui paling singkat. Bagi tempoh persinggahan tersebut, pegawai adalah layak menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian dan Bayaran Sewa Hotel / Elaun Lojing; dan
- (b) Pegawai yang perlu singgah bermalam semasa dalam perjalanan disebabkan oleh ketiadaan kapal terbang atau kemudahan pengangkutan lain dan juga perbelanjaan bermalam itu tidak diimbuhkan oleh mana-mana syarikat penerbangan adalah layak juga menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian dan Bayaran Sewa Hotel / Elaun Lojing;

KADAR :

Gred	Jenis Bilik
Utama/Khas 'A' dan ke atas Pegawai selain daripada di atas	Bilik Suite Biasa (<i>Standard Suite</i>) Bilik Biasa

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003

TARIKH KUAT KUASA : 1 Jun 2003

JENIS : **ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI LUAR NEGERI**

iv) Elaun Gantian Tetap

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada staf yang menjalankan tugas rasmi di luar negeri.

SYARAT :

- (a) Pegawai layak menuntut Elaun Gantian Tetap jika tempoh bertugas rasmi itu adalah melebihi 3 bulan tetapi kurang dari 6 bulan termasuk hari kelepasan am dan mingguan;
- (b) Jumlah hari yang sebenar pegawai itu menjalankan tugas di luar negeri hendaklah dikira mulai dari hari ketibaannya. Seseorang pegawai yang pulang ke Ibu Pejabatnya secara sementara selama tidak lebih dari tujuh hari dan kembali meneruskan tugas tidak akan dianggap sebagai menjalankan tugas yang baru tetapi dikira sebagai menyambung tugas asalnya; dan
- (c) Pegawai layak menuntut mana-mana komponen Elaun Gantian Tetap sama ada Elaun Makan atau Elaun Lojing, jika komponen tersebut tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur;

KADAR : (Elaun Makan + Elaun Lojing) x Jumlah hari bertugas rasmi

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003

TARIKH KUAT KUASA : 1 Jun 2003

JENIS : **ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI LUAR NEGERI**

v) Bayaran Pelbagai

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada staf yang menjalankan tugas rasmi di luar negeri.

SYARAT : Seseorang pegawai layak menuntut Belanja Pelbagai seperti berikut:

- (a) tambang pengangkutan awam tempatan jika kenderaan tidak disediakan;
- (b) bayaran telefon, telegram, bayaran pos dan bayaran faks atas urusan rasmi;
- (c) belanja dobi yang disokong dengan resit;
- (d) bayaran Cukai Lapangan Terbang yang disokong dengan resit;
- (e) bayaran *Excess Baggage* untuk barang-barang rasmi yang disokong dengan resit;
- (f) 3% daripada jumlah tuntutan perjalanan sebagai gantirugi berkaitan dengan pertukaran kepada matawang asing;
- (g) 15% daripada Elaun Makan bagi maksud bayaran *tips*, *gratuities* atau *porterage*; dan
- (h) bayaran passport antarabangsa dan visa yang disokong dengan resit;

KADAR : Kadar bagi Belanja Pelbagai adalah seperti yang ditulis pada resit yang dilampirkan bersama tuntutan.

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003

TARIKH KUAT KUASA : 1 Jun 2003

JENIS : **ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI LUAR NEGERI**

vi) Bayaran Keraian

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada staf yang menjalankan tugas rasmi di luar negeri.

SYARAT :

- (a) Pegawai yang dibenarkan oleh Perbendaharaan membuat perbelanjaan bagi mengadakan keraian rasmi semasa bertugas rasmi di luar negeri hendaklah menghadkan jumlah perbelanjaan di paras yang berpatutan dan tiap-tiap perbelanjaan itu hendaklah disokong dengan resit;
- (b) Kelulusan bagi sesuatu keraian rasmi seperti jamuan makan dan sebagainya boleh diberi jika sesuatu perwakilan itu diketuai oleh seorang Menteri. Belanja mengadakan keraian yang diberi secara peribadi iaitu yang bersifat persendirian tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan; dan
- (c) Sekiranya ahli-ahli sesuatu perwakilan itu terdiri daripada pegawai-pegawai sahaja, peruntukan kewangan untuk mengadakan keraian hanya dapat dipertimbangkan oleh Perbendaharaan jika dapat ditunjukkan terlebih dahulu bahawa keraian rasmi terpaksa diadakan untuk kepentingan Kerajaan;

KADAR : Kadar bagi Belanja Pelbagai adalah seperti yang ditulis pada resit yang dilampirkan bersama tuntutan.

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003

TARIKH KUAT KUASA : 1 Jun 2003

JENIS : **ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI LUAR NEGERI**

vii) Bayaran Perubatan

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada pegawai yang jatuh sakit semasa bertugas rasmi di luar negeri dan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan perubatan.

SYARAT :

- (a) Belanja Perubatan hendaklah munasabah. Jika terdapat Perkhidmatan Kesihatan Negara di negara berkenaan seberapa boleh ianya hendaklah digunakan;
- (b) Belanja Perubatan itu hanya untuk bayaran bagi rawatan perubatan biasa sahaja;
- (c) Pegawai yang mendapat rawatan wad tidak layak menuntut Elaun Makan dan Bayaran Sewa Hotel / Elaun Lojing semasa di dalam hospital tersebut;
- (d) Bayaran hospital adalah ditanggung oleh Kerajaan dan pegawai hanya dikenakan bayaran wad menurut kadar yang ditetapkan bagi dalam negeri kecuali kecederaan yang berlaku semasa menjalankan tugas rasmi yang mana bayarannya adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan; dan
- (e) Di negara yang mewajibkan pengambilan insurans perubatan bagi mendapatkan rawatan hospital, bayaran premium bagi seseorang pegawai itu adalah ditanggung oleh Kerajaan.

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003

TARIKH
KUAT KUASA : 1 Jun 2003

JENIS : **ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI LUAR NEGERI**

viii) Elaun Pakaian Panas

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada pegawai yang dikehendaki bertugas di luar negeri menuntut Elaun Pakaian Panas

SYARAT :

- (a) Seseorang pegawai, tetapi tidak termasuk pegawai yang berkhidmat di luar negeri yang tertakluk kepada arahan yang berasingan, adalah layak menuntut Elaun Pakaian Panas apabila dikehendaki bertugas di luar negeri di negara / kawasan beriklim sederhana / sejuk.
- (b) Negara / kawasan beriklim sederhana / sejuk bermakna, negara / kawasan yang terletak di utara Garisan Sartan (*Tropic of Cancer*) dan negara / kawasan yang terletak di selatan Garisan Jadi (*Tropic of Capricorn*).
- (c) Elaun ini hendaklah dituntut sebelum pegawai pergi ke luar negeri atau selewat-lewatnya tiga bulan selepas pulang dari luar negeri.
- (d) Kelulusan elaun hendaklah dicatatkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai tersebut.

KADAR : RM1,500 sekali dalam tempoh tiga tahun

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003

**TARIKH
KUAT KUASA** : 1 Jun 2003

JENIS : **ELAUN / KEMUDAHAN / BAYARAN SEMASA BERKURSUS**

TUJUAN : Menetapkan kadar dan syarat bagi seseorang pegawai menuntut elaun, kemudahan dan bayaran semasa berkursus

TAFSIRAN :

- (a) '**Gred**' bermakna Gred Gaji mengikut Pekeliling Universiti yang berkuatkuasa.
- (b) '**Ibu Pejabat**' bermakna tempat biasa seseorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya ialah:-
 - i. 25 km jika boleh dihubungi oleh jalanraya;
 - ii. 16 km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; dan
 - iii. 8 km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal atau sungai.
- (c) '**Kursus**' bermakna sebarang kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktik, lawatan sambil belajar, seminar dan bengkel, yang bercorak latihan.
- (d) '**Pegawai**' bermakna seseorang staf di dalam Perkhidmatan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang dilantik secara tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut.
- (e) '**Pengurus Bahagian**' bermakna pegawai yang mengetuai suatu PTJ dan diberi kuasa untuk menguruskan peruntukan kewangan sendiri.
- (f) '**Penganjur**' bermakna badan yang membiayai sebahagian besar perbelanjaan kursus.
- (g) '**Pusat Pengajian**' bermakna tempat yang sebahagian besar sesuatu kursus itu dijalankan dan bagi tempoh kursus itu, Pusat Pengajian adalah ditakrifkan sebagai Ibu Pejabat.

SYARAT :

KURSUS PENDEK DI DALAM NEGERI

Seseorang pegawai yang mengikuti kursus pendek sepenuh masa di dalam negeri layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar dan syarat seperti berikut:-

Di Luar Kawasan Ibu Pejabat

1. Elaun Makan dan jika perlu menginap Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimumnya atau Elaun Lojing;
2. Sekiranya salah satu kemudahan disediakan, maka unsur yang tidak disediakan itu layak dituntut.
 - a) Sarapan pagi - 20% daripada Elaun Makan
 - b) Makan tengahari - 40% daripada Elaun Makan
 - c) Makan malam - 40% daripada Elaun Makan
3. Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit atau Elaun Lojing dan;
4. Elaun Makan/Elaun Harian bagi tempoh dua (2) hari iaitu sehari sebelum dan sehari selepas berkursus.
5. Bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel;
6. Elaun Perjalanan Kenderaan, Tambang Gantian atau Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:-
 - a. Perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sahaja.
 - b. Sekiranya tempat penginapan tidak disediakan atau tiada keperluan untuk bermalam, jumlah perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sehari tidak melebihi enam (6) hari;
 - c. Seseorang pegawai yang disangkutkan ke sesuatu pejabat dan diarahkan oleh Pengurus Bahagian bagi menjalankan tugas rasmi layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan/Tambang Pengangkutan Awam;

- d. Kadar Elaun Perjalanan Kenderaan ini adalah mengikut kadar dan syarat yang berkuatkuasa;
- e. Seseorang pegawai yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam mengikut mana yang lebih murah dan yang sepatutnya dinaiki tertakluk kepada syarat seperti berikut:-
 - i. **Kereta Api**
Penggunaan perkhidmatan kereta api adalah dibenarkan mengikut kelayakan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;
 - ii. **Kapal Terbang**
Penggunaan perkhidmatan kapal terbang mengikut kelayakan pegawai hanya dibenarkan sekiranya difikirkan sangat perlu dan mustahak bagi seseorang pegawai sampai ke Pusat Pengajian pada masa yang ditetapkan. Cukai Lapangan Terbang layak dituntut;
 - iii. **Lain-Lain**
Penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam selain daripada yang dinyatakan di atas adalah dibenarkan dan tuntutan dibuat berasaskan kepada tambang lazim bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja;
- f. Seseorang pegawai yang memilih untuk menggunakan kenderaannya sendiri hanya layak menuntut Tambang Gantian mengikut kadar semasa yang berkuatkuasa bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja dengan syarat dinyatakan di dalam borang tuntutan yang ia telah menggunakan kenderaannya sendiri berserta resit tol atau penyata "Touch n Go" ; dan
- g. Seseorang pegawai yang layak diberikan Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa

bayaran tambahan bersabit dengan perjalanan tersebut seperti bayaran tol dan sebagainya.

KADAR : Jadual 1: Perbatuan bagi Pembentang Kertas Kerja

Jarak perjalanan bertugas rasmi bagi tiap-tiap satu bulan	Kelas				
	A	B	C	D	E
	Gaji tidak kurang RM2,323.41 sebulan & kenderaan 1400 s.s & ke atas	Gaji tidak kurang RM2,064.60 sebulan & kenderaan 1000 s.s & ke atas	Gaji tidak kurang RM1,611.28 sebulan & kenderaan dibawah 1000 s.s	Gaji tidak kurang RM1,611.28 sebulan & kenderaan tidak kurang 175 s.s	Gaji tidak kurang RM1,611.28 sebulan & kenderaan dibawah 175 s.s
	(sen / km)				
500 km pertama	70	60	50	45	40
501 – 1000 km	65	55	45	40	35
1001 – 1700 km	55	50	40	35	30
1701 km & seterusnya	50	45	35	30	25

Jadual 2: Perbatuan bagi Peserta Kursus

Jarak perjalanan bertugas rasmi bagi tiap-tiap satu bulan	Kelas
	E
	(sen / km)
500 km pertama	40
501 – 1000 km	35
1001 – 1700 km	30
1701 km & seterusnya	25

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005
 Pekeliling Bendahari Bil. 6 Tahun 2006
 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2007 (Lampiran G)

TARIKH KUAT KUASA : 1 Januari 2006

JENIS : **ELAUN / KEMUDAHAN / BAYARAN KERANA BERTUKAR ATAU BERPINDAH RUMAH**

TUJUAN : Menetapkan kadar dan syarat bagi seseorang pegawai menuntut elaun, kemudahan dan bayaran kerana bertukar atau berpindah rumah

TAFSIRAN :

1. **Berpindah Rumah** bermakna berpindah rumah mengikut keadaan seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1.1 atau 4.1.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil 4 Tahun 1995 dan tertakluk kepada syarat bahawa pegawai mendiami rumah tersebut.
2. **Bertukar** bermakna pegawai bertukar ke luar Stesen, seterusnya berpindah rumah dan mendiami rumah berkenaan
3. **Stesen** bagi tujuan pertukaran bermakna satu lingkungan kawasan 25km dari pejabat lama ke pejabat baru, manakala bagi tujuan perpindahan rumah, satu lingkungan kawasan 25km dari rumah lama ke rumah baru.
4. **Keluarga Pegawai** bermakna jika bagi pegawai lelaki, ialah isteri dan anak-anaknya dan jika bagi pegawai perempuan, ialah suami dan anak-anak.
5. **Anak-anak yang berkelelahan** ialah anak-anak yang belum mencapai umur 21 tahun dan ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang tinggal bersama semasa pelaksanaan pertukaran atau perpindahan rumah. Walaubagaimanapun, anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah anak termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diiktiraf mengikut undang-undang atau kebudayaan.

SYARAT :

1. Tiada perbelanjaan, bayaran tambahan atau kemudahan yang layak dituntut bersabit dengan pertukaran tersebut, umpamanya perbelanjaan bagi menghantar barang-barang persendirian ke tempat lain;

2. Pegawai layak menuntut perbelanjaan bagi mengangkut kenderaannya yang disokong dengan resit;
3. Pegawai yang bertukar secara berseorangan (tanpa membawa keluarga) hanya layak menuntut elaun pertukaran seperti
 - i. Bayaran Sewa Hotel,
 - ii. Elaun Gantian Makan dan
 - iii. Tambang perjalanan atas kadar bujang (seorang) terlebih dahulu.
4. Apabila keluarga pegawai datang kemudian, pegawai layak menuntut baki elaun yang sepatutnya dituntut.
5. Jika pegawai dan isteri/suami pegawai adalah kakitangan Kerajaan/Swasta, hanya salah seorang sahaja layak membuat tuntutan bayaran tersebut berdasarkan kepada kadar keJayakan pegawai atau kadar kelayakan isteri/suami pegawai, mengikut mana"yang lebih tinggi;
6. Pegawai yang bertukar ke luar Stesen adalah bermaksud pegawai yang bertukar, berpindah rumah dan mendiami rumah berkenaan sahaja layak menuntut elaun pertukaran. Pegawai yang bertukar ke luar stesen tetapi tidak berpindah rumah hanya layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan/Tambang Pengangkutan Awam bagi dirinya kerana melapor diri ke tempat bertugas baru;
7. Pengangkutan barang-barang melalui kapal laut hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan perkhidmatan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
8. Tuntutan Elaun Gantian Makan mengikut kadar Elaun Makan adalah bagi tempoh tiga hari sebelum dan lima hari selepas bertukar, mengikut bilangan sebenar ahli keluarga. Tuntutan ini tidak memerlukan pegawai mengemukakan resit/bil/invois;
9. Tuntutan elaun pertukaran yang melibatkan penginapan adalah mengikut kadar Bayaran Sewa Hotel bagi tempoh tiga hari sebelum dan lima hari selepas bertukar, mengikut bilangan sebenar ahli keluarga.

10. Walau bagaimanapun, had bilangan bilik yang dibenarkan hendaklah tidak melebihi tiga buah sama ada bilik kelamin atau bilik bujang, mengikut bilangan keluarga.
11. Jika menggunakan bilik kelamin, pegawai selain daripada pegawai yang layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atas kadar sebenar layak menuntut tambahan sebanyak 25% daripada kelayakan kadar di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan. Tuntutan ini memerlukan pegawai mengemukakan resit/bil/invois.
12. Sebaliknya, jika tidak menuntut Bayaran Sewa Hotel pegawai layak menuntut Elaun Lojing (tanpa resit) bagi dirinya sahaja, bagi tempoh tiga hari sebelum dan lima hari selepas bertukar;

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil 4 Tahun 1995

**TARIKH
KUAT KUASA** : 1 Mei 1995

JENIS : ELAUN PENDAHULUAN DIRI

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada pegawai yang menjalankan tugas rasmi / menghadiri kursus dan bertukar luar stesen di luar Ibu Pejabat sama ada di dalam atau di luar negeri.

SYARAT :

- (a) Hanya unsur Elaun Makan dan Bayaran Sewa Hotel pada hari-hari yang terlibat sahaja;
- (b) Permohonan pendahuluan diri hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan sebelum seseorang pegawai itu bertolak untuk tugas rasmi/menghadiri kursus dan bertukar luar stesen;
- (c) Permohonan lengkap perlu dikemukakan bersama-sama dokumen sokongan sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum tarikh perjalanan dilaksanakan;

(d) Had minima pendahuluan diri

i)	Kumpulan A dan Pengurusan Tertinggi ke atas	RM 500.00
ii)	Kumpulan Sokongan B dan C	RM 300.00
iii)	Kumpulan D	Tiada had

- (e) 100% bagi pendahuluan diri untuk maksud ke luar negeri;
- (f) Tidak melebihi 90% bagi pendahuluan diri untuk maksud di dalam negeri;
- (g) Permohonan untuk jumlah yang kurang daripada had minima adalah tidak dibenarkan;
- (h) Pendahuluan diri tidak layak diberi sekiranya elaun hotel dan elaun makan telah termasuk dalam pakej sebutharga pembekal;
- (i) Pendahuluan diri bagi staf sambilan/RA adalah tidak dibenarkan. Bagi RA pendahuluan diri hanya dibenarkan

jika dibuat atas nama penyelidik /penyelia yang berjawatan tetap;

- (j) Seseorang pegawai tidak layak diberi sebarang pendahuluan diri selanjutnya jika beliau belum menjelaskan sepenuhnya sebarang pendahuluan diri berkaitan dengan tuntutan perjalanan yang telah diluluskan kepadanya.

KADAR : Kadar kelayakan Elaun Makan dan Bayaran Sewa Hotel adalah berdasarkan gred jawatan pegawai semasa bertugas rasmi / menghadiri kursus.

RUJUKAN : Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1993
Pekeliling Bendahari Bil. 13/2008
Perintah Am para 41 (a) Bab B

TARIKH
KUAT KUASA : 6 Oktober 2008

- JENIS** : **ELAUN INSENTIF KHAS KEWANGAN TERTINGGI**
- TUJUAN** : Mewujudkan Bayaran Insentif Khas kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Jurutera, Arkitek, Juruukur Bahan dan Akauntan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Sektor Awam.
- SYARAT** : a) Dibayar kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Jurutera, Akitek, Juruukur Bahan dan Akauntan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
b) Dipanjangkan kepada semua Pegawai di dalam Pengurusan Tertinggi Universiti (Jawatan Utama (JUSA)/ Gred Khas).
- KADAR** : 50% daripada kadar Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas/ Utama.
- RUJUKAN** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1996
Minit Mesyuarat LPU Bil. 21 Tahun 2006
- TARIKH KUAT KUASA** : 1 Januari 1996

JENIS : **ELAUN TUGAS KHAS PENTADBIRAN**

TUJUAN : Merupakan imbuhan galakan untuk pegawai akademik yang dilantik untuk menjalankan tugas tambahan yang berkaitan.

SYARAT : Dibayar kepada pegawai akademik universiti dan pegawai penyelidik yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran

Jika pegang 2 jawatan, dibayar satu kadar sahaja mengikut tertinggi

KADAR : **Universiti**
Jawatan **Kadar Sebulan (RM)**

Penolong Naib Canselor	900.00
Dekan dan setara	800.00
Timbalan Dekan dan setara	700.00
Ketua Jabatan dan setara	600.00

Status Lantikan	Penyandang Jawatan Lain (Menerima Elaun)	Penyandang/Tidak Menyandang Jawatan Lain (Tanpa Elaun)
Menjalankan Tugas	Layak terima tambahan ½ daripada jumlah elaun jawatan	Layak menerima jumlah penuh elaun
Memangku	Layak menerima jumlah penuh elaun	Layak menerima jumlah penuh elaun
Menanggung Kerja	Layak terima tambahan ½ daripada jumlah elaun jawatan	Layak menerima jumlah penuh elaun

RUJUKAN : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1985
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1995
Minit Mesyuarat LPU KUiTTTHO Bil. 22/2006
Minit Mesyuarat LPU Bil. 4/2014

**TARIKH
KUAT KUASA** : 01 September 2007

JENIS : **BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH / PENCERAMAH / FASILITATOR SAMBILAN**

TUJUAN : Peraturan ini adalah bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan

SYARAT :

1. Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati
2. Kelayakan bayaran saguhati ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i. pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;
 - ii. memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
 - iii. pegawai dari unit/institusi latihan/pengajian, maktab/institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/institusi/maktab/sekolah yang sama;
 - iv. urus setia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini;
 - v. bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap urus setiasetengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan
 - vi. pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati di bawah Pekeliling ini.

KADAR :

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Pelaksana	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

RUJUKAN : Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2005

**TARIKH
KUAT KUASA :** 1 September 2005

- JENIS** : **BAYARAN PENSYARAH SAMBILAN**
- TUJUAN** : Peraturan ini adalah bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan
- SYARAT** : Bayaran syarahan sambilan akademik dipecahkan kepada 2 kategori iaitu:
- (A) Pensyarah Sambilan Akademik yang dilantik dikalangan staf akademik UTHM
 - (B) Pensyarah Sambilan Akademik yang dilantik dikalangan staf pentadbiran/ orang luar UTHM.
- (A) Kategori Pensyarah Sambilan Akademik yang dilantik dikalangan staf akademik UTHM
1. Bayaran syarahan sambilan akademik hanya akan dipertimbangkan untuk staf yang mengajar **sekurang-kurangnya 12 kredit dalam satu semester lazim.**
 2. Staf perlu melampirkan jumlah beban seminggu dan diperakukan oleh Ketua Jabatan semasa membuat tuntutan. Kaedah pengiraan beban adalah berdasarkan Pekeliling Pengurusan Bil 47/2006.
 3. Kadar ini tertakluk kepada pengajaran bagi semua program perdana universiti. Bagi program-program lain kadar tuntutan adalah tertakluk kepada kelulusan pelaksanaan program tersebut.

(B) Pensyarah Sambilan Akademik yang dilantik dikalangan staf pentadbiran/ orang luar UTHM.

1. Staf pentadbiran UTHM wajib mendapat **kelulusan Pendaftar UTHM**.
2. Orang luar yang berkhidmat perlu mendapat kelulusan majikan masing-masing sebelum dilantik.
3. Semua staf sambilan akademik ini hendaklah mengajar selepas pukul 5.00 petang pada hari bekerja atau pada hujung minggu.
4. Bayaran Elaun Perjalanan, Elaun Makan dan Penginapan akan diberikan mengikut gred jawatan semasa atau kelayakan minimum gred 41 bagi staf sambilan yang tidak berkhidmat di sektor kerajaan sekiranya ia dilantik dari luar stesyen (melebihi 33 kilometer). Pegawai yang berada di dalam stesyen adalah tidak layak menerima bayaran ini.

KADAR :

(A) Kategori Pensyarah Sambilan Akademik yang dilantik dikalangan staf akademik UTHM

1. Pembayaran dibuat berdasarkan lebihan beban seminggu yang merangkumi **beban pengajaran dan penyeliaan** sahaja pada semester tersebut dengan formula pengiraan sedia ada seperti berikut:

$$\text{Lehian beban seminggu (jam)} = \frac{\text{jumlah beban} - 32}{3}$$

2. Kadar tuntutan yang ditetapkan ialah **RM100.00 sejam/minggu** dengan had maksimum sebanyak **RM1,600.00** sebulan bagi setiap lebihan beban.

(B) Pensyarah Sambilan Akademik yang dilantik dikalangan staf pentadbiran/ orang luar UTHM adalah seperti di Jadual 1.

Bil	Perkara	Kadar/jam (RM)
1	Syarahan/kuliah	100.00
2	Tutorial	50.00
3.	Amali	50.00
4	Demonstrator	50.00

Jadual 1: Kadar Bayaran Syarahan Akademik Sambilan

Pembayaran syarahan sambilan tertakluk kepada kadar semasa dengan had maksimum pengajaran **tidak melebihi 10 jam pengajaran seminggu** (termasuk kuliah, tutorial dan amali).

RUJUKAN : Pekeliling Pengurusan Bil. 47 Tahun 2006
Pekeliling Pengurusan Bil. 7 Tahun 2015

TARIKH KUAT KUASA : Semester II sesi 2014/2015

- JENIS** : **BAYARAN KEAHLIAN PROFESIONAL**
- TUJUAN** : Meningkatkan kepakaran pegawai terlibat dalam bidang profesion berkaitan
- SYARAT** :
- (a) Pegawai hendaklah menjawat jawatan mengikut skim perkhidmatannya yang berkaitan
 - (b) Keperluan yang mewajibkan seseorang staf mendaftar dengan Badan Profesional bagi membolehkan beliau mengamalkan profesionnya.
 - (c) Pendaftaran sebagai Ahli Badan Profesional merupakan perkara yang perlu dibuat oleh staf bagi membolehkan staf menjalankan tugas semasa di UTHM
 - (d) Hanya untuk badan profesional yang diiktiraf sahaja (sama ada di dalam atau luar negara)
 - (e) Pendaftaran untuk satu badan profesional sahaja yang layak dituntut
 - (f) Pendaftaran yang dibuat untuk tempoh lebih dari satu tahun akan dibayar keseluruhannya. Namun begitu, staf dikehendaki membayar balik secara prorata yuran berkenaan kepada universiti sekiranya meletak jawatan.
- KADAR** : Hanya yuran pendaftaran yang dituntut pada tahun semasa layak dibayar
- RUJUKAN** : Pekeliling Pengurusan Bil. 68 Tahun 2008
- TARIKH KUAT KUASA** : 31 Disember 2008

JENIS : **BAYARAN BANTUAN MENYENGGARA RUMAH**

TUJUAN : Sebagai kemudahan kepada pegawai terlibat dalam proses penyelenggaraan rumah

SYARAT :

- (a) Diberi kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
- (b) Juga layak kepada pegawai yang menduduki rumah sendiri atau rumah yang disediakan oleh kerajaan kecuali Rumah Khas Jawatan berdasarkan Surat Pekeliling Am. Bil. 3 Tahun 1997 di mana rumah tersebut diselenggara oleh kerajaan.
- (c) Diberi sekali dalam setahun

KADAR	Jawatan	Kadar Setahun (RM)
	Ketua Setiausaha Negara	4,000.00
	Utama Turus I	3,000.00
	Utama Turus II	3,000.00
	Utama Turus III	3,000.00
	Utama 'A'	2,000.00
	Gred Khas 'A'	2,000.00
	Utama 'B'	2,000.00
	Gred Khas 'B'	2,000.00
	Utama 'C'	2,000.00
	Gred Khas 'C'	2,000.00

RUJUKAN : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1996
JPA (S) 215/8/1 Klt. 4 (41) bth 21.10.1996

TARIKH
KUAT KUASA : 1 Januari 1996

JENIS : **ELAUN PEMBANTU RUMAH**

TUJUAN : Sebagai kemudahan kepada pegawai di dalam menyediakan pembantu rumah

SYARAT : Dibayar kepada pegawai di dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi

KADAR :

JAWATAN	KADAR SEBULAN (RM)
Ketua Setiausaha Negara	2,000.00
Utama Turus I	1,000.00
Utama Turus II	1,000.00
Utama Turus III	1,000.00
Utama 'A'	500.00
Gred Khas 'A'	500.00
Utama 'B'	500.00
Gred Khas 'B'	500.00
Utama 'C'	500.00
Gred Khas 'C'	500.00

RUJUKAN : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1994
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1996

TARIKH

KUAT KUASA : 1 Januari 1996

- JENIS** : **BAYARAN BANTUAN SARA HIDUP**
(Cost Of Living Allowance - COLA)
- TUJUAN** : Meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan pegawai perkhidmatan awam
- SYARAT** :
- (a) Pegawai yang layak;
 - Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana
 - Lantikan tetap, sementara, sangkut, kontrak dan guru sandaran
 - Diluluskan sebarang cuti bergaji penuh
 - Diluluskan sebarang cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh
 - Diluluskan cuti belajar bergaji penuh dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian
 - Diluluskan cuti belajar separuh gaji dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian
 - Diperuntukkan rumah kerajaan dalam lingkungan 25km dari tempat kerja dibayar atas kadar separuh
 - Pegawai yang menduduki rumah Universiti sama ada dalam kategori atau bukan dalam kategori 'stanby' atau 'on call' akan dibayar sebanyak 50% daripada kelayakan pegawai
 - (b) Pegawai yang tidak layak;
 - Kumpulan Pengurusan Tertinggi
 - Memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi
 - Dibayar Bayaran Insentif Wilayah
 - Dipinjamkan ke badan antarabangsa / syarikat swasta
 - Dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup
 - Diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu tahun
 - Bercuti tanpa gaji
 - (c) Pembayaran hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu bulan;

KADAR : Kadar Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut;

Kawasan A

Negeri	Dewan Bandaraya / Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran / Perbandaran	Kadar Sebulan (RM)
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya	300
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Jaya	
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya	
Johor	Johor Bahru	

Kawasan B

Negeri	Dewan Bandaraya / Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran / Perbandaran	Kadar Sebulan (RM)
Johor	Batu Pahat, Johor Bahru Tengah, Kluang, Muar dan Kulai	250
Kedah	Alor Setar, Kulim, Langkawi dan Sungai Petani	
Kelantan	Kota Bharu	
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin	
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Seremban	
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Telok Intan	
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh	
Perlis	Kangar	
Terengganu	Kuala Terengganu dan Kemaman	

Kawasan Lain – RM150 sebulan

RUJUKAN : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2006
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2012

TARIKH

KUAT KUASA : 1 April 2012

JENIS : **ELAUN LEBIH MASA**

TUJUAN : Memberikan kemudahan kepada staf Universiti untuk membuat Tuntutan Elaun Lebih Masa berdasarkan Perintah Am Bab "G"(Waktu Bekerja Lebih Masa).

TAFSIRAN :

1. **Staf'** bererti staf Universiti yang dilantik secara tetap, sementara, kontrak dan sambilan.
2. **'Kerja lebih masa'** adalah bermaksud kerja-kerja yang dijalankan di luar waktu bekerja pejabat biasa yang ditetapkan kepada seseorang staf iaitu menjalankan tugas-tugas rasmi yang berkaitan dengan tugas rasmi jawatan hakikinya atau tugas rasmi bagi universiti. Kerja-kerja yang berkaitan dengan kerja-kerja peribadi adalah tidak dikira sebagai kerja lebih masa.

SYARAT :

- 1 Kerja-kerja lebih masa sama ada ia dijalankan di dalam kawasan universiti atau di luar kawasan universiti boleh dibayar Elaun Lebih Masa seperti penetapan di Perintah Am Bab "G" 1974.
2. Staf yang menjadi **peserta** kursus/seminar/bengkel dan seumpamanya adalah tidak dibayar bayaran lebih masa **kecuali** dilantik menjadi **urus setia** yang mengendalikan kursus/seminar/bengkel tersebut.
3. **Surat lantikan** sebagai urusetia dan **aturcara program** hendaklah disertakan semasa membuat Tuntutan Elaun Lebih Masa. **Waktu perjalanan, rehat dan makan** tidak layak dikira sebagai kerja lebih masa. Bagi staf yang berjawatan **pemandu**, waktu rehat dan waktu menunggu (bukan *standby*) tidak diambil kira sebagai kerja lebih masa.
4. Staf yang layak menuntut bayaran lebih masa dan diarah menjalankan kerja-kerja lebih masa di luar kawasan universiti adalah layak menuntut bayaran lebih masa dan juga elaun-elaun tugas rasmi di luar universiti (seperti Elaun Makan, Harian, Sewa Hotel, Elaun Perjalanan

Kenderaan dan sebagainya) tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1992.

5. Kerja lebih masa yang layak untuk dituntut adalah **sekurang-kurangnya 30 minit**. Sebarang tuntutan yang kurang daripada tempoh tersebut secara automatik adalah tidak layak dibayar.
6. Walau bagaimanapun, Tuntutan Elaun Lebih Masa bagi waktu bekerja biasa tidak meliputi **waktu-waktu rehat** seperti berikut:-
 - 1.00 – 2.00 tengahari
 - 5.00 – 5.30 petang
 - 7.00 – 8.00 malam
7. Bagi pegawai yang bekerja secara giliran atau pusingan, Tuntutan Elaun Lebih Masa hendaklah berdasarkan kepada jadual waktu bekerja yang telah ditetapkan. Jika hari bekerja biasa ditetapkan pada hari Selasa hingga hari Ahad, maka kerja lebih masa yang dijalankan pada hari Selasa hingga Ahad itu hendaklah di bayar bayaran Lebih Masa pada kadar bekerja biasa. Jika hari Isnin ditetapkan sebagai Hari Rehat Mingguan , maka kerja-kerja lebih masa yang dijalankan pada Isnin itu hendaklah dibayar Tuntutan Elaun Lebih Masa atas kadar Hari Rehat Mingguan.
8. Jika hari kelepasan Am jatuh pada hari giliran bertugas pegawai, maka hari giliran bertugas dikira sebagai hari kelepasan am. Oleh itu , jika seseorang pegawai dikehendaki bertugas pada hari kelepasan Am itu, maka pegawai adalah layak menuntut Tuntutan Elaun Lebih Masa atas kadar hari kelepasan Am.
9. Jika hari kelepasan Am jatuh pada hari rehat mingguan, maka hari Kelepasan am itu adalah ditunda pada hari berikutnya. Contohnya jika Hari rehat mingguan pegawai yang bekerja secara giliran ditetapkan pada hari Rabu dan Hari kelepasan Am jatuh pada hari Rabu tersebut maka Hari Kelepasan am akan ditunda pada hari berikutnya, iaitu hari Khamis. Jika Ketua Jabatan mengkehendaki pegawai bertugas pada hari

Rabu, maka pegawai layak dibayar Tuntutan Elaun Lebih Masa atas kadar hari rehat mingguan, dan jika dikehendaki bekerja pada hari Khamis itu, maka pegawai layak dibayar Tuntutan elaun lebih masa atas kadar hari kelepasan Am.

10. Tempoh maksima untuk menuntut bayaran lebih masa adalah **tiga (3) bulan**. (Contoh: untuk kerja lebih masa yang dilakukan dalam bulan Januari 2008 hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada April 2008). Segala tuntutan selepas dari tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
11. Tuntutan pada setiap bulan hendaklah diisi di dalam borang yang berasingan bagi memudahkan kemasukan data ke dalam sistem. (Contoh: tuntutan pada bulan Januari satu borang dan bulan Februari di satu borang yang lain).
12. Tuntutan Elaun Lebih Masa mestilah mengambil kira jangkamasa **genap sebulan** untuk memudahkan proses pemantauan dari segi jam tuntutan dan bulan yang dituntut.
13. Tarikh akhir penghantaran Borang Elaun Lebih Masa adalah tertakluk kepada jadual yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari. Sekiranya borang tuntutan lewat diterima, maka tuntutan tersebut akan dibayar pada bulan berikutnya.
14. Staf dikehendaki merekod waktu keluar dan masuk di perakam waktu sebagai bukti melakukan kerja lebih masa. Selain daripada penggunaan perakam waktu yang disediakan, penggunaan pen atau apa-apa alat untuk merekodkan waktu keluar dan masuk semasa membuat Tuntutan Elaun Lebih Masa tidak akan diterima.
15. Jika perakam waktu bermasalah, penggunaan pen dibenarkan untuk merekod waktu masuk dan keluar dengan syarat disahkan oleh **Pengurus Bahagian** atau **Pegawai Penyelia**.
16. **Pengurus Bahagian** atau **Pegawai Penyelia** hendaklah mengarahkan staf yang membuat tuntutan melebihi 64

jam atau melebihi 1/3 gaji sebulan supaya mengambil cuti gantian bagi menggantikan lebihan tuntutan tersebut.

KADAR :

STATUS	KADAR	MASA TUNTUTAN
Biasa Siang	1.125	0600-2200
Biasa Malam	1.25	2200-0600
Hujung Minggu Siang	1.25	0600-2200
Hujung Minggu Malam	1.50	2200-0600
Cuti Umum Siang	1.75	0600-2200
Cuti Umum Malam	2.00	2200-0600

FORMULA :

$$\text{ELAUN LEBIH MASA (ELM)} = \frac{\text{JUMLAH (JAM X KADAR) GAJI POKOK X 12}}{(313 \times 8)}$$

RUJUKAN : Perintah Am Bab G
Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/1992
Pekeliling Perkhidmatan Bil.2/77 (Lampiran D),

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.21/77

Pekeliling Bendahari Bil . 8 /2003

Akta Kerja 1955 (Akta 265) mengenai peraturan-peraturan kerja (had kerja lebih masa) 1980, semakan 1983.

TARIKH

KUAT KUASA : 23 Oktober 2003

G. ELAUN PERTUKARAN WILAYAH

- JENIS** : **ELAUN PERUMAHAN WILAYAH**
- TUJUAN** : Memberi insentif kepada pegawai perkhidmatan awam yang dikehendaki bertukar wilayah demi kepentingan perkhidmatan
- SYARAT** :
- (a) Penentuan wilayah asal pegawai adalah seperti berikut;
 - Sekiranya wilayah kelahiran pegawai sama dengan wilayah kelahiran ibu atau bapa pegawai, wilayah asal adalah tempat kelahiran pegawai
 - Sekiranya ibu atau bapa pegawai dan pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza, pegawai boleh memilih sama ada wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sebagai wilayah asal
 - Pegawai yang ibu bapanya memperoleh taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal ibu atau bapa merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu atau bapa pegawai berkenaan ketika memperoleh Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia
 - (b) Pegawai yang bertukar wilayah boleh memilih sama ada menerima EPW atau Imbuan Tetap Perumahan (ITP)
 - (c) Pegawai yang tidak layak menerima EPW
 - Pegawai yang menduduki Rumah Kerajaan
 - Pegawai yang dikehendaki menduduki Rumah Khas Jabatan atau Rumah Khas Jawatan
 - Pegawai yang bercuti tanpa gaji
 - Pegawai yang menghadiri kursus melebihi 3 bulan
 - Pegawai yang membeli rumah di luar kawasan ibu pejabat pegawai berkhidmat dengan Pinjaman Perumahan Kerajaan
 - (d) Pegawai yang tinggal di rumah yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan oleh pasangannya layak menerima EPW
 - (e) Bagi pegawai suami dan isteri yang kedua-duanya bertukar wilayah pembayaran EPW adalah seperti berikut
 - Hanya salah seorang boleh dibayar EPW manakala seorang lagi diberi ITP dan

- Pegawai tidak layak EPW tetapi layak diberi ITP jika menduduki Rumah Kerajaan yang diperuntukkan kepada pasangannya

KADAR : Kadar EPW adalah seperti di Jadual 1

RUJUKAN : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2001
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 2005

TARIKH

KUAT KUASA : 14 Oktober 2005

Jadual 1: Kadar Elaun Perumahan Wilayah

Kumpulan	Pengurusan Tertinggi				Pengurusan dan Profesional			Pelaksana	
	Turus	A	B	C	Gred			Gred/Kategori	
					1	2	3	V-VII	VII-XI
Sistem Saraan Baru	Turus	A	B	C	53-54	45-52	41-44	27-40	1-26
Sistem Saraan Malaysia	Turus	A	B	C	53-54	45-52	41-44	27-40	1-26
NEGERI/BANDAR									
KL/Putrajaya									
Semua Kawasan	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Selangor									
Petaling Jaya	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Subang Jaya	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Shah Alam	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Pulau Pinang									
Pulau Pinang	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Seberang Perai	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Johor									
Johor Bahru	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Kulaijaya	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	300	280	230
Perak									
Ipoh	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	200
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	250	220	180
Negeri Sembilan									
Bandar Seremban	2500	2000	1600	1300	900	700	400	350	300
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	300	280	250
Melaka									
Bandar Melaka	2500	2000	1600	1300	900	700	400	350	300
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	230
Kedah									
Langkawi	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Alor Setar	2500	2000	1600	1300	900	700	450	400	350
Sg. Petani	2500	2000	1600	1300	900	700	450	400	350
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	300	270	230
Perlis									
Kangar	2500	2000	1600	1300	900	700	280	250	220
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	260	230	200

Pahang									
Kuantan	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	280	250	220
Terengganu									
Kuala Terengganu	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
Dungun	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	270	230	180
Kelantan									
Kota Bharu	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	200
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	250	200	170
Sabah									
Kota Kinabalu	2500	2000	1600	1500	1300	1130	930	830	730
Sandakan	2500	2000	1600	1500	1250	1080	880	780	680
Kawasan lain	2500	2000	1600	1500	1200	1030	830	730	630
Labuan									
Labuan	2500	2000	1600	1500	1300	1130	930	830	730
Sarawak									
Kuching	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
Miri	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
Bintulu	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	600	450	500

- JENIS** : **BAYARAN INSENTIF WILAYAH**
- TUJUAN** : Memberi insentif kepada pegawai perkhidmatan awam yang dikehendaki bertukar wilayah demi kepentingan perkhidmatan
- SYARAT** :
- (a) Layak dibayar kepada pegawai yang bertukar wilayah
 - Pegawai yang berasal dari Sabah / Sarawak yang dilantik dan / atau ditempatkan berkhidmat di Semenanjung;
 - Pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan / atau berkhidmat di Sabah / Sarawak;
 - Pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertukar di negeri-negeri itu
 - (b) Pegawai yang berkursus melebihi dari 3 bulan sama ada di dalam atau di luar negeri akan dihentikan pembayaran bayaran insentif ini
 - (c) Pegawai yang dibayar Bayaran Insentif Wilayah tidak layak di bayar Bantuan Sara Hidup
- KADAR** : Kadar Bayaran Insentif Wilayah adalah seperti berikut;

Lingkungan Gaji (termasuk elaun pemangkuan)	Peratusan daripada Gaji yang diterima
RM 6289.14 dan ke atas	12.5
RM 4029.64 hingga RM 6289.13	15
RM 2015.74 hingga RM 4029.63	17.5
RM 1329.74 hingga RM 2015.73	20
RM 951.35 hingga RM 1329.73	22.5
RM 951.34 dan ke bawah	25

- RUJUKAN** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987
 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002
 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2007

TARIKH
KUAT KUASA : 01 Julai 2007

- JENIS** : **TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL**
- TUJUAN** : Pemberian tambang sebagai suatu kemudahan untuk membolehkan pegawai dan ahli keluarga mengunjungi wilayah asal
- SYARAT** :
- (a) Pegawai hendaklah mengisytiharkan wilayah asalnya tertakluk kepada sekali pengisytiharan dalam tempoh perkhidmatan dan dicatat dalam Buku Perkhidmatan
 - (b) Tambang perjalanan pergi dan balik disediakan dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat ke ibu negeri atau bandar utama wilayah asal.
 - (c) Ibu negeri wilayah asal bermaksud Kuala Lumpur, Putrajaya atau ibu-ibu negeri bagi negeri-negeri di wilayah Semenanjung Malaysia. Bandar utama wilayah asal bermaksud
 - ii. Labuan bagi wilayah Labuan
 - iii. Kuching, Sibul, Bintulu atau Miri bagi wilayah Sarawak
 - iv. Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu atau Tawau bagi wilayah Sabah
 - (d) Menggunakan perkhidmatan kapal terbang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan kerajaan dari semasa ke semasa
 - (e) Isteri atau suami disediakan tambang mengikut kelayakan pegawai manakala tambang anak-anak pegawai adalah kelas ekonomi
 - (f) Kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh satu tahun perkhidmatan pegawai di wilayah penempatan. Jika tidak digunakan dalam tempoh tersebut, kemudahan ini akan luput dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan.
 - (g) Hendaklah berkhidmat 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan bagi membolehkan pegawai menggunakan kemudahan ini pada kali pertama. Tempoh bercuti tanpa gaji dan separuh gaji tidak boleh diambil kira untuk menentukan kelayakan kemudahan ini.
 - (h) Bagi isteri atau suami atau anak-anak yang tidak mengikut pegawai bertukar wilayah dibenarkan menggunakan kemudahan ini untuk melawat pegawai
 - (i) Anak yang layak ialah di bawah umur 21 tahun yang masih dalam tanggungan pegawai termasuk anak tiri dan anak angkat yang diambil mengikut proses undang-undang. Bagi anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak dan jasmani, had umur tidak terpakai

- (j) Pegawai yang belum berkahwin yang balik ke wilayah asal menggunakan kemudahan ini atau atas pembiayaan sendiri untuk berkahwin, boleh disediakan tambang perjalanan untuk membawa isteri atau suaminya ke wilayah penempatan pegawai
- (k) Bagi pegawai dan isteri atau suami yang kedua-duanya bertukar wilayah, hanya seorang sahaja layak menggunakan kemudahan ini untuk membawa keluarga manakala suami atau isteri boleh menggunakan kemudahan tambang ini atas kadar bujang

KADAR : Kadar tambang adalah meliputi keseluruhan kos tambang pengangkutan termasuk tambang kapal terbang yang merangkumi harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang, insurans penumpang dan surcaj bahan api. Perbelanjaan lain seperti penginapan, makan dan sebagainya adalah tanggungan pegawai sendiri.

RUJUKAN : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22 Tahun 2008

TARIKH

KUAT KUASA : 01 Januari 2009

- JENIS** : **ELAUN GANGGUAN**
- TUJUAN** : Pemberian elaun kepada pegawai bertukar yang diarah bertukar ke wilayah asalnya
- SYARAT** :
- (a) Kadar yang layak ialah sebulan gaji hakiki pegawai bertukar apabila kembali ke wilayah asal
 - (b) Boleh dibayar separuh gaji sebagai pendahuluan dan selebihnya dibayar berasaskan gaji terakhir pegawai sebelum kembali ke wilayah asal
 - (c) Bagi pegawai dan suami atau isteri yang bertukar ke wilayah yang sama, hanya seorang sahaja yang layak menuntut elaun gangguan berasaskan pegawai yang menerima gaji yang lebih tinggi.
- KADAR** : Kadar elaun adalah satu bulan gaji hakiki pegawai
- RUJUKAN** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988
- TARIKH**
KUAT KUASA : 01 Januari 1988

- JENIS** : **TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH**
- TUJUAN** : Pemberian tambang kepada ahli keluarga pegawai yang meninggal dunia di luar kawasan wilayah asal
- SYARAT** :
- (a) Layak diberikan kepada semua ahli keluarga yang masih di dalam tanggungan pegawai bagi mengiringi jenazah pegawai untuk pengebumian di wilayah asal
 - (b) Keluarga bermaksud isteri / suami dan anak-anak pegawai yang berumur di bawah 21 tahun dan masih dalam tanggungan pegawai kecuali anak yang daif disebabkan kelemahan otak atau jasmani
 - (c) Pasangan pegawai atau salah seorang ahli keluarga pegawai kemudiannya dibenarkan untuk kembali ke tempat pegawai berkhidmat bagi urusan pemindahan barang-barang atas tanggungan kerajaan.
- KADAR** : Kadar tambang adalah meliputi keseluruhan kos tambang pengangkutan termasuk tambang kapal terbang yang merangkumi harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang, insurans penumpang dan surcaj bahan api
- RUJUKAN** : Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2003
- TARIKH**
KUAT KUASA : 01 Oktober 2003